

# SEKILAS INFO



## BENGKEL SEMAKAN DASAR TATACARA PENGURUSAN RISIKO

Bengkel Semakan Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko UNIMAS telah diadakan pada 11 Jun 2025 bertempat di Raia Hotel, Kuching sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkuuh amalan pengurusan risiko di peringkat universiti. Bengkel ini bertujuan untuk menilai semula dasar dan tatacara sedia ada agar kekal relevan serta responsif terhadap keperluan semasa universiti. Maklum balas yang diterima akan digunakan untuk memperkemas dokumen dasar, sejajar dengan komitmen UNIMAS dalam memperkuuh tadbir urus risiko yang cekap dan proaktif.





UNIMAS berjaya memperkuuh kedudukannya dalam Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2025, dengan disenaraikan dalam kelompok 101-200 universiti terbaik dunia. Pencapaian ini merupakan peningkatan dramatik bagi UNIMAS, yang sebelum ini berada pada kedudukan 401-600 pada tahun 2023, naik ke kelompok 301-400 pada tahun 2024, sebelum melonjak ke kelompok 101-200 tahun ini. Peningkatan berterusan sejak 2023 ini mencerminkan keupayaan UNIMAS dalam menyelaraskan strategi institusi dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).



Antara pencapaian utama yang mengukuhkan kedudukan UNIMAS dalam THE Impact Rankings tahun ini termasuk kedudukan ke-16 dunia bagi SDG 17: Partnership for the Goals, yang mengiktiraf usaha cemerlang universiti dalam memperkuuh jaringan kerjasama strategik merentas sektor dan sempadan. Selain itu, UNIMAS berada di tangga ke-36 dunia bagi SDG 16: Peace, Justice and Strong Institutions, menonjolkan komitmen institusi terhadap tadbir urus yang berintegriti dan telus. Dua lagi pencapaian signifikan ialah kedudukan ke-81 dunia bagi SDG 7: Affordable and Clean Energy serta ke-94 dunia bagi SDG 2: Zero Hunger.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BIL. 1/2025



Pada 16 Jun 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil. 1/2025 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, dan dipengerusikan oleh YBhg. Datu Ik @ Pahon anak Joyik. Sebagai mesyuarat pertama bagi tahun ini, ia menjadi landasan awal bagi universiti untuk memperkuuh amalan tadbir urus risiko institusi secara berterusan. Mesyuarat berlangsung dalam suasana yang konstruktif dengan tumpuan diberikan kepada usaha mempertingkat keberkesanan pengurusan risiko universiti secara menyeluruh dan bersepadu. Pendekatan berasaskan prinsip kawal selia yang telus dan sistematik terus diberi penekanan selaras dengan komitmen UNIMAS terhadap kecemerlangan tadbir urus dan kelestarian institusi.

## MESYUARAT PENYELARASAN AKPANS 2025 BERSAMA PIHAK PUSAT KEPIMPINAN UNIMAS

Pada 9 Jun 2025, mesyuarat penyelarasan penyediaan laporan bagi persediaan Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Sarawak (AKPANS) Tahun 2025 telah diadakan bersama dengan pihak Pusat Kepimpinan UNIMAS. Inisiatif AKPANS merupakan satu usaha mengiktiraf kecemerlangan dalam tadbir urus, pengurusan operasi dan penyampaian perkhidmatan awam yang berimpak tinggi serta sejajar dengan aspirasi Kerajaan Sarawak. Mesyuarat ini turut membincangkan keperluan penyediaan laporan oleh PTj yang terlibat, selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia AKPANS bagi memastikan penyertaan yang menyeluruh dan berkualiti dari pihak universiti.



## PROGRAM SQRC JUN 2025

BIL.	Perkara	Tarikh
1.	HEPA Risk Management Workshop	9-10 Jun 2025
2.	Mesyuarat Penyelarasan AKPANS 2025 bersama pihak ULC	9 Jun 2025
3.	Jamuan Potluck 2025	10 Jun 2025
4.	Bengkel Semakan Dasar Tatacara Pengurusan Risiko (DTPR) UNIMAS	11 Jun 2025
5.	Bengkel ISO 22301:2019 Business Continuity Management Systems - Understanding & Implementing	12-13 Jun 2025
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil. 1/2025	16 Jun 2025
7.	Risk Management Conference 2025	18 Jun 2025
8.	Bengkel QMS Understanding & Implementing ISO 9001:2015	19-20 Jun 2025
9.	Sharing Session: Digital Transformation @ SQRC bersama pelajar UiTM	20 Jun 2025
10.	ISMS Internal Auditor Training	23-24 Jun 2025
11.	Bengkel ISO 9001:2015 Internal Auditor Training	25-26 Jun 2025
12.	Bengkel Majlis Perancangan Strategik Universiti Awam	30 Jun 2025






## BENGKEL MAJLIS PERANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI AWAM

Pada 30 Jun 2025, Bengkel Majlis Perancangan Strategik Universiti Awam telah berlangsung di UiTM Shah Alam dan menghimpunkan Pengarah-Pengarah Strategik UA serta wakil daripada KPT dalam usaha memperkuuh pelan strategik pendidikan tinggi negara. Bengkel ini menjadi platform penting bagi penyelarasan strategi antara UA dan KPT, khususnya dalam memastikan kesepaduan arah tuju institusi dengan dasar dan aspirasi nasional. Antara pengisian utama termasuk pembentangan dan perbincangan mengenai National Funding Framework (NFF), pelan Perancangan Pusat Pembangunan dan Teknologi Maklumat (PPTPM) serta pembentangan SETARA oleh BKPI, KPT.



# Happy Birthday June!



## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

**Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko**  
Universiti Malaysia Sarawak  
Aras 3, Canselor  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia  
<http://www.sqrc.unimas.my/>